

# Rawat rohani terapi mujarab penagih?

Pelbagai kaedah saintifik digunakan namun rawatan jiwa menerusi Terapi Psikospiritual Islam tidak boleh dikesampingkan

## Ragam & Pengajaran

Oleh JUANI MUNIR ABU BAKAR

**D**ADAH musuh nombor satu negara merupakan satu slogan tidak asing lagi dalam usaha membanteras penularan masalah itu dalam kalangan rakyat Malaysia.

Pelbagai usaha dilakukan oleh kerajaan dalam menangani masalah dadah termasuk menguatkuasakan undang-undang selain penganjuran kempen kesedaran khususnya kepada para belia.

Hal ini boleh dilihat dengan slogan *Belia Benci Dadah* dan lain-lain lagi.

Malah penggubalan undang-undang seperti hukuman mati mandatori, sebatan dan penjara selain kawalan ketat pemeriksaan barangan di sempadan negara memperlihatkan kesungguhan kerajaan dalam membanteras penularan najis dadah.

Tindakan berkenaan hanya daripada sudut pencegahan. Tetapi dalam rawatan pemulihan dadah masih kurang dibincangkan dalam sesi-sesi perkongsian akademik.

Menurut Pengarah Pusat Penyelidikan Dalam Penyalahgunaan Dadah Asia (Acreda) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof. Madya Dr. Mohd. Rushdan Mohd. Jailani, hal demikian termasuklah pemulihan dadah yang berteraskan agama.

Jelas beliau, wujud segelintir masyarakat yang memandang serong terhadap pemulihan dadah berteraskan agama kerana kejayaan kaedah tersebut dianggap tidak berasaskan bukti saintifik.

"Pada hari ini, isu-isu pemulihan dan rawatan dadah sering diperkatakan kerana masyarakat dan pihak bertanggungjawab masih mencari formula terbaik dalam usaha-usaha mengatasi masalah penagihan dadah yang terus berleluasa.

"Walaupun telah banyak usaha dilakukan, banyak modal dan kos disalurkan dan lain-lain lagi, namun kita menyaksikan masih banyak lagi penagih dadah mengulangi perbuatan penyalahgunaan bahan berkenaan," jelas Mohd. Rushdan.

Beliau berkata demikian dalam kertas kerja bertajuk *Terapi Psikospiritual Islam dan Pengalaman Pusat Pemulihan Dadah Berteraskan Islam* pada Seminar



HANYA dengan kembali kepada ajaran agama Islam beserta dengan kesedaran diri mampu membawa para penagih ke pangkal jalan. - Gambar hiasan

Kebangsaan Pencegahan Penyalahgunaan Dadah 2013 anjuran USIM baru-baru ini.

Mohd. Rushdan menegaskan, gabungan rawatan yang berteraskan biologi, sosial, psikologi dan agama wajar menjadi pilihan utama kepada semua pusat pemulihan dan rawatan penagihan



MOHD. RUSHDAN MOHD. JAILANI

dadah dalam mengubati penyakit dalaman berkenaan. Beliau memetik satu kenyataan yang merumuskan bahawa isu penagihan dadah tidak dianggap sebagai isu fizikal semata-mata, malah masalah itu dianggap sebagai penyakit rohani. Dalam hal ini, gejala dihadapi tidak boleh diubati melalui suntikan, sebaliknya dibimbing rohani mereka.

### Perawatan kejiwaan

Terapi Psikospiritual Islam bermakna suatu kaedah perawatan kejiwaan dan kerohanian yang berteraskan kepada sumber-sumber ketuhanan dan amalan-amalan Islam yang tidak bercanggah dengan prinsip syariah. Matlamatnya adalah untuk melahirkan kestabilan diri, jiwa dan roh.

Secara konsepnya, ujar Mohd. Rushdan, terapi berkenaan menepati fitrah asal kejadian manusia kerana cara itu merupakan kaedah perawatan yang dianugerahkan oleh Allah selaku tuhan pencipta semua makhluk termasuk manusia.

### Enam asas pemulihan dadah berteraskan Islam

- ➔ Yakin bahawa prinsip takwa sebagai satu bentuk rawatan.
- ➔ Ibadah adalah satu bentuk rawatan.
- ➔ Sabar merupakan jalan ke arah pemulihan.
- ➔ Zikir sebagai satu rawatan.
- ➔ Yakin bahawa taubat saluran pengubatan.
- ➔ Tafakur dan muhasabah.

Kata beliau, sumber rawatan berteraskan al-Quran dan al-Sunnah bersesuaian dalam merawat keadaan rohani dan psikologi manusia yang rosak selain yakin bahawa Allah sahaja yang mampu memberi penyelesaian terbaik kepada masalah manusia.

"Kaedah ini pada dasarnya menekan kepada kaedah pencegahan lebih baik daripada merawat dan ini dapat dicapai sekiranya seorang hamba itu benar-benar mempunyai kefahaman yang jitu tentang konsep pengabdian dan penyerahan diri kepada tuhan.

"Dalam perkara ini, tiga perkara perlu diketahui oleh seseorang insan,



pertamanya memiliki ilmu mengenai Allah. Kedua, mempunyai kemampuan dalam mengenal hakikat keinsanan yang besar daripada aspek kerohanian dan terakhir, menyerah diri yang sebenar daripada aspek kerohanian," kata Mohd. Rushdan.

Uniknya berkenaan pemulihan itu, pada peringkat awalnya, seseorang pesakit itu perlu bergantung kepada pembimbing.


Tetapi pada tahap seterusnya, individu mampu melaksanakan rawatan dengan kekuatan yang ada pada dirinya sendiri.

"Hal ini disebabkan kerana kaedah itu sebenarnya menuntut seseorang untuk merealisasikan potensi kesempurnaan diri yang ada pada dirinya yang hanya dia seorang mampu menjayakannya.

"Kaedah terapi ini sebenarnya meletakkan diagnosis sebenar seseorang pesakit itu terletak pada ketidakstabilan aspek rohani seseorang dan bukannya fisiologi.

"Terapi ini diyakini mampu menjadi benteng yang kuat dan punca kepada

ISU penagihan dadah tidak dianggap sebagai isu fizikal semata-mata, malah masalah itu dianggap sebagai penyakit rohani.  
- Gambar hiasan



**PENEDEHAHAN** serta pendidikan tentang bahaya penyalahgunaan dadah perlu diberikan seawal usia kanak-kanak agar ia menjadi benteng daripada terjebak. - Gambar hiasan

pengukuhan jiwa serta rohani kepada seseorang pesakit. Selagi mana seseorang itu melakukan penyerahan diri kepada Allah, dengan izin-Nya dia terpelihara daripada segala bentuk dugaan dan kejahatan," kata Mohd. Rushdan.

### Rumusan pemulihan

Walaupun berbeza daripada segi kaedah pemulihan, namun masing-masing mempunyai persamaan iaitu cara rawatan bersandarkan kepada al-Quran dan al-Sunnah.

Jelas Mohd. Rushdan, setiap pusat rawatan dadah persendirian mempunyai identitinya sendiri bagi melahirkan individu yang berilmu dan mengamalkan konsep Islam menerusi rawatan yang telah ditetapkan.

Menurut beliau, daripada segi kaedah rawatan dan pemulihan, ketiga-tiga pusat rawatan ini mempunyai persamaan kerana menggunakan kaedah rawatan Islam tetapi terdapat perbezaan dalam konsep amalannya.

"Adalah tidak dapat disangkal bahawa pusat-pusat pemulihan dadah yang mengambil pendekatan terapi Psikospiritual Islam ini telah berjaya memulihkan sama ada secara sepenuhnya atau sebahagian.

"Kaedah terapi Psikospiritual Islam ini yang diamalkan oleh pusat-pusat pemulihan telah banyak memberi impak positif kepada pembinaan kerohanian para penagih tersebut. Bagaimanapun, penelitian serius dan proses penambahbaikan kaedah ini perlu dibuat secara berterusan dan lebih bersepadu," kata Mohd. Rushdan.

**Kaedah ini pada dasarnya menekan kepada kaedah pencegahan lebih baik daripada merawat dan ini dapat dicapai sekiranya seorang hamba itu benar-benar mempunyai kefahaman yang jitu tentang konsep pengabdian dan penyerahan diri kepada tuhan**

### Apa kata mereka

"**SESUNGGUHN**YA krisis akhlak adalah perkara yang benar-benar berlaku dan berada di tahap membimbangkan. Oleh demikian, usaha mengatasi perkara ini hendaklah dijalankan secara serius oleh semua pihak.

Namun penyelesaian masalah ini hendaklah menjurus kepada perkara dasar dan bukannya pada cabangnya. Ajaran Islam hendaklah dijadikan rujukan dan panduan."



**- DR. ABDUL GHAFAR SURIP**  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Keluarga Sosial dan Komuniti, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

"**PENGALAMAN** dalam menolong penagih dadah untuk mengatasi masalah penagihan yang dialami dan seterusnya membina strategik untuk menghadapi liku-liku kehidupan adalah sesuatu yang amat bermakna.

Oleh demikian, kita memerlukan rancangan pemulihan yang khusus berkait keperluan diri dan strategik yang bersesuaian dengan keperluan dan permasalahan."



**- PROF. MADYA DR. ABD. HALIM MOHD. HUSSIN**  
Timbalan Pengarah Kanan, Bahagian Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam

## Pengalaman pusat pemulihan dadah

### 1 Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia

TERLETAK di Suf, Kampung Paya, Mukim Padang Temak, Kuala Nerang, Kedah sebenarnya boleh dianggap sebagai cawangan pondok sama yang berpangkalan di Pondok Pesantren Suryalaya, Indonesia. Ditubuhkan untuk membentuk dan memandu penagih dadah dan sesiapa sahaja yang mengalami gangguan kerohanian kepada jalan yang benar.

Pusat ini diterajui Mohd. Zuki Assyuja Shafie pada 1980 dan pernah menjadi Pusat Pemulihan Dadah Lanjutan Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (Pemadam) dan turut mendapat pengiktirafan sebagai Pusat Pemulihan Dadah Persendirian daripada Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) pada 1998.

Konsep pemulihan dan rawatan di pusat ini bersumberkan amalan-amalan yang diperolehi daripada aliran tarikan Qadiriyyah Naqsyabandiyyah dan ini dapat dilihat melalui amalan berzikir, talkin amalan taubat dan penekanan kepada memiliki Makrifatullah yang sebenar dalam kalangan penghuni.

Selain itu, tiga kaedah diberi penekanan iaitu, mandi, solat dan zikir.

### 2 Madrasah Khairul Insaniah

PUSAT ini diusahakan di perkampungan Syariff Muhammad al-Baghadadi, Batu Belah Jenagor, Hulu Terengganu dengan menggunakan pendekatan pemulihan di dalam komuniti dan mengambil kaedah agama.

Pengasasnya, Zulkifli Islami mengendali pusat pemulihan itu dengan memberi rawatan kepada para pesakit dengan ikhlas dan ingin bertaubat di atas kesilapan lalu samaada penagihan atau masalah sosial.

Kaedah pemulihan terbahagi kepada dua fasa yang antaranya mengambil pendekatan al-Quran, al-Sunnah dan zikir sebagai jalan pemulihan. Tetapi Madrasah Khairul Insaniah berbeza dengan pusat lain apabila menggunakan terapi muzik sebagai cara pemulihan.

### 3 Rumah Penawar Desa Pengasih

RUMAH Penawar Desa didirikan pada 2003 di atas tapak seluas 1.5 hektar di Bukit Cerakah, Sungai Buloh, Selangor yang dibina atas usahasama dan gotong-royong termasuk kos pembinaan disumbang oleh penduduk tempatan.

Bukan sekadar menjadi pusat pemulihan tetapi ia juga berperanan sebagai tempat melahirkan para penghuni untuk mahir dengan aktiviti pengurusan kerjaya diri.

Proses pemulihan sama dengan rumah perlindungan lain tetapi Rumah Penawar Desa mementingkan rawatan melalui zikir yang dibuat hampir setiap masa, bermula dari awal pagi hingga ke lewat malam.